

LAPORAN PAC: DBKL SEBAGAI INSTITUSI PEMBELAJARAN MASA HADAPAN

Oleh : Azlan Zambry

Jurufoto : Fairuz Mustafa

Dalam lanskap pentadbiran bandaraya moden, keupayaan sesebuah institusi tidak diukur semata-mata daripada kejayaan lampau, tetapi daripada kesanggupannya menyambut kritikan dengan keberanian dan menukarnya menjadi wahana pembaharuan. Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) baru-baru ini yang meneliti pengurusan tanah di Kuala Lumpur bukan sahaja menyingkap kelemahan struktur, malah turut membuka ruang besar untuk reformasi institusi yang lebih sistematik serta merintis hala tuju jangka panjang.

Sebagai nadi pentadbiran ibu kota negara, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerima laporan ini dengan tekad untuk menjadikan setiap teguran sebagai kompas baharu dalam mengemudi hala tuju pembangunan bandaraya. Kritikan PAC mengenai formula premium tanah yang ketinggalan zaman, keterbatasan ketelusan maklumat, serta libat urus komuniti yang masih perlu diperkukuh telah diangkat DBKL sebagai asas untuk menyusun semula strategi pentadbiran tanah yang lebih telus, inklusif, dan berintegriti.

Selari dengan teguran PAC, DBKL tampil dengan visi yang lebih berani: menjadi sebuah institusi pembelajaran (learning institution) yang bukan sahaja mampu menyesuaikan diri dengan cabaran, tetapi juga menjadikan setiap kelemahan sebagai platform memperkukuh integriti dan akauntabiliti. Di tengah arus globalisasi dan tekanan perubahan iklim, Kuala Lumpur memerlukan pentadbiran bandaraya yang bukan sahaja cekap, tetapi juga progresif, adaptif, dan berpaksikan kepentingan awam.

Belajar dari kritikan, membina agenda reformasi

Dalam kerangka teori organizational learning, kelemahan tidak wajar ditutup, sebaliknya dijadikan asas kepada proses adaptive governance iaitu tadbir urus yang responsif, mengadaptasi perubahan, dan berpandangan jauh.

DBKL kini menterjemahkan prinsip itu melalui pembaharuan formula premium tanah. Kaedah lama yang diguna sejak 1995 terbukti tidak lagi sejajar dengan nilai pasaran, sekali gus merugikan kepentingan awam. Syor PAC yang menuntut pindaan disiapkan selewat-lewatnya pada 2025 kini sedang dilaksanakan. Dengan reformasi ini, tanah awam tidak lagi akan diberimilik pada kadar yang merugikan rakyat, malah memberikan pulangan adil kepada negara.

Dari sudut ekonomi politik bandar, langkah ini penting untuk memulihkan nilai strategik tanah kerajaan. Tanah bukan hanya ruang fizikal, tetapi modal sosial yang mesti diurus sebagai warisan bersama rakyat.

Pendigitalan: Infrastruktur mekanisme ketelusan baharu

PAC juga menegur keterbatasan ketelusan dalam pengurusan maklumat tanah. Respons DBKL ialah transformasi digital melalui OSC 3.0 Plus, yang mula beroperasi pada 2024.

Sistem ini bukan sekadar platform teknikal, tetapi infrastruktur ketelusan yang bakal meletakkan maklumat tanah, zon, dan status pembangunan dalam capaian rakyat. Dalam bahasa akademik, ia mewakili peralihan daripada closed governance kepada open governance – data awam tidak lagi terkunci dalam fail pentadbiran, sebaliknya boleh diakses, dipantau dan dianalisis oleh masyarakat.

Syor PAC yang menuntut agar sistem OSC 3.0 Plus dibuka kepada orang awam dengan segera kini menjadi komitmen DBKL. Usaha penambahbaikan sedang giat dijalankan supaya platform ini dapat berfungsi sebagai sumber rujukan telus dan inklusif, setanding dengan bandaraya dunia seperti Tallinn di Estonia atau Seoul di Korea Selatan yang telah berjaya membina reputasi melalui sistem digital mereka.

Suara komuniti sebagai sumber wacana

Kritikan PAC mengenai ketiadaan suara komuniti dalam beberapa keputusan pembangunan mendedahkan jurang antara dasar dengan realiti masyarakat. DBKL mengakui bahawa keberkesanan perancangan bandar bergantung kepada partisipasi serta dukungan daripada rakyat. Selaras dengan syor PAC supaya Ahli Parlimen Kuala Lumpur turut dilibatkan dalam Jawatankuasa Kerja Tanah serta wujud mekanisme semak imbang masyarakat, DBKL memperkenalkan kerangka libat urus baharu yang bakal menjadi penanda aras iaitu Rundingan awam yang lebih inklusif untuk projek berimpak besar. DBKL juga akan menganjurkan Kolaborasi sistematik bersama NGO, persatuan profesional dan akademik dan membangun atau memperkasa platform digital maklum balas rakyat untuk memastikan suara komuniti tidak lagi terpinggir.

Dari perspektif participatory governance, perubahan ini menandakan DBKL bergerak daripada pendekatan hierarki tradisional kepada pendekatan deliberatif yang meletakkan rakyat sebagai rakan kongsi penting dalam merencana pembangunan Kuala Lumpur.

Menyesuaikan inspirasi global dengan realiti tempatan

Sebagai bandaraya bertaraf global, Kuala Lumpur berdepan cabaran rumit yang turut menyumbang kepada teguran PAC. DBKL menyedari bahawa isu tadbir urus tanah adalah fenomena sejagat yang turut dibincangkan di negara-negara maju dan membangun.

Nairobi misalnya berdepan isu penjualan tanah awam kepada kepentingan swasta; New Delhi berhempas pulas mempertahankan zon hijau daripada tekanan pembangunan; manakala London pula bergelut dengan ketelusan projek mega. Semua ini membuktikan bahawa cabaran tadbir urus tanah tidak unik dan tertumpu kepada Kuala Lumpur.

Bezanya, DBKL menegaskan kesediaannya untuk menyesuaikan inspirasi global dengan konteks tempatan. Selain itu, DBKL juga akan melaksanakan reformasi premium tanah, pendigitalan OSC 3.0 Plus, mekanisme libat urus komuniti, dan perlindungan infrastruktur banjir adalah langkah adaptasi yang diselaraskan dengan realiti politik, ekonomi, dan sosial ibu kota.

DBKL sebagai Institusi Pembelajaran

Konsep learning institution yang diperkenalkan oleh sarjana seperti Peter M Senge di dalam bukunya berjudul The Fifth Discipline menekankan bahawa organisasi yang berjaya ialah yang sentiasa belajar, menyesuaikan diri, dan memperbaiki diri secara berterusan.

Dengan menerima teguran PAC sebagai asas pembaharuan dan pemantapan organisasi, DBKL membuktikan dirinya mampu berfungsi sebagai institusi pembelajaran iaitu entiti yang tidak membeku dalam status quo, bahkan berkembang dan beradaptasi melalui cabaran termasuklah di dalam teknologi dan digital.

Teguran PAC terhadap pentadbiran DBKL dilihat penting dan Kuala Lumpur kini sedang melalui fasa kritikal dalam sejarah perancangannya. Laporan PAC telah mengangkat kelemahan yang tidak boleh diabaikan. Namun, kepimpinan DBKL memilih untuk mengubah kelemahan itu menjadi mandat reformasi institusi.

Melalui langkah konstruktif, rancangan melaksanakan reformasi premium tanah menjelang 2025, pendigitalan OSC 3.0 Plus, penginstitusian suara komuniti, serta perlindungan aset infrastruktur seperti kolam tadahan dan tanah rizab menyerlahkan keazaman DBKL untuk membina naratif baharu bahawa kritikan adalah peluang, manakala cabaran merupakan platform untuk bertindak.

Akhirnya, Kuala Lumpur akan diukur bukan sekadar daripada menara konkritnya, tetapi daripada integriti pemimpin dan institusinya, keterbukaan pentadbirannya, serta keberanian organisasinya untuk belajar.

Kuala Lumpur mungkin tidak sempurna, tetapi dengan budaya DBKL yang progresif, adaptif, dan berwibawa, bandaraya ini berpotensi muncul sebagai metropolis yang belajar daripada masa lalu untuk membina masa depan yang lebih telus, inklusif, dan berdaya tahan dan unggul di rantau ini.